

# Sejarah Aidil Adha

Ketibaan Hari Raya Aidil Adha atau Hari Raya Korban itu diiringi dengan suatu sejarah khas yang telah berlaku di zaman Nabi Allah Ibrāhīm *'alayhi al-salām*. Masa ketibaan Hari Raya Aidil Adha itu ialah setelah selesainya para jemaah haji yang berhimpun di kota suci Mekah pada setiap tahun dari menunaikan amalan haji mereka. Tegasnya pada hari kesepuluh hingga ke hari yang ketiga belas hari bulan Dhu al-Hijjah, berkumpullah sekalian para jemaah haji yang datang dari segenap pelusuk alam di sebuah kota kecil yang bernama "Mina" (yang terletak tidak berapa jauh dari kota Makkah al-Mukarramah); kemudian daripada selesainya mereka sekalian menunaikan rukun haji terbesar iaitu *wuqūf* di Padang Arafah, sebagai menunaikan satu seruan suci yang telah dilaungkan oleh Saiyidina Ibrāhīm *'alayhi al-salām* dari sejak beribu-ribu abad yang sebelum, sebagaimana firman Allah di dalam al-Qur'an al-Karim:

*(Wa adhdhin fi al-nāsi bi al-ḥajji ya tūka rijālan wa 'alā kulli dāmīrin ya 'īna min kulli fajjin 'amīq)*

Ertinya: "Serulah wahai Ibrāhīm!, akan manusia mengerjakan ibadah haji nescaya mereka akan datang dengan menunggang kenderaan dan berjalan kaki dari beberapa tempat yang jauh."

Kerana tarikan dari seruan suci inilah, maka kota suci Mekah pada tiap-tiap tahun sentiasa dibanjiri oleh berbagai-bagai bangsa manusia yang datang dari segenap pelusuk alam Islami, kedatangan mereka ke negara suci itu ialah sebagai menyampaikan hasrat jiwa mereka yang diselaputi iman yang teguh untuk menunaikan suatu kewajipan atau suatu amanah Tuhan yang telah mereka

junjung dengan taat dan patuh; iaitulah melakukan ibadah haji.

Sekiranya pada Hari Raya Puasa Allah telah mewajibkan ke atas setiap orang-orang Islam mengeluarkan zakat fitrah dengan tujuan untuk menolong dan memberikan kelapangan kepada orang-orang fakir miskin agar mereka dapat turut sama menyambut ketibaan hari yang berbahagia itu dengan penuh rasa gembira; maka pada Hari Raya Korban ini pula Tuhan mensunatkan (pada setengah mazhab mewajibkan) kepada orang-orang Islam yang mempunyai kemampuan agar mereka menyembelih korban (iaitu menyembelih seekor kambing) pada pagi hari raya itu dan membahagi-bahagikan daging-daging korban itu kepada fakir miskin yang hidup menderita dengan maksud dan tujuan yang satu.

Kisah korban ini telah dinyatakan dengan sejelas-jelasnya di dalam beberapa ayat Qur'an yang menceritakan kisah kebangkitan Sayidina Ibrāhīm dan anaknya Saiyidina Ismā'īl menjadi rasul. Saiyidina Ibrāhīm *'alayhi al-salām* adalah seorang rasul (pesuruh) yang telah diutus oleh Tuhan kepada umatnya. Dia mempunyai seorang isteri bernama Sārah; telah beberapa lama Saiyidina Ibrāhīm berkahwin dengan isterinya Sārah, tetapi ia tidak dikurniai anak, ini ternyata kerana ia adalah seorang perempuan yang mandul. Hal ini sangatlah mendukacitakan hati Saiyidina Ibrāhīm yang menyebabkan ia sentiasa kelihatan gelisah dan selalu termenung; lantaran ia tersangat ingin mendapat seorang putera ataupun puteri. Perasaan dukacita yang dialami oleh suaminya itu dapat dirasakan sama oleh Sārah.

Pada suatu hari dengan perasaan hati yang tulus ikhlas Sārah menyuruh suaminya berkahwin dengan salah

seorang jariahnya yang bernama Hājar, ini setelah ia sendiri mengetahui bahawa ia adalah seorang perempuan yang mandul. Saiyidina Ibrāhīm mengerti bahawa kemahuan isterinya menyuruh ia berkahwin dengan Hājar itu adalah dengan perintah Allah. Oleh itu ia pun mengikutlah akan kemahuan isterinya itu, lalu ia berkahwin dengan Hājar. Dengan kuasa Tuhan tidak berapa lama selepas Saiyidina Ibrāhīm berkahwin dengan Hājar, maka Hājar pun mengandung; dan setelah tiba masanya lalu ia melahirkan seorang putera lelaki yang diberi nama Ismā‘īl.

Dari sejak Saiyidina Ibrāhīm mendapat seorang putera yang sangat dikasihinya itu, ia mulai melalaikan kewajipan terhadap isteri tuanya Sārah, ia melebihkan kepentingan isteri mudanya di samping putera tunggal yang

tempat itulah yang dinamakan Makkah al-Mukarramah. Atas perintah dari Tuhan juga, setelah segala persiapan untuk Hājar dan anaknya menginap di wadi itu disiapkan, Saiyidina Ibrāhīm hendaklah pulang dengan beberapa segera ke bumi Palestin.

Apakah rahsia Tuhan memberi perintah kepada Nabi Ibrāhīm *'alayhi al-salām* supaya mengasing dan meninggalkan isteri dan anaknya Saiyidina Ismā‘īl di suatu tempat yang kering tandus, yang tidak hidup padanya tumbuh-tumbuhan? Jawabnya; kerana Tuhan hendak menjadikan di tempat itu satu bangsa atau satu umat yang besar dari titisan darah keturunan anak-anak Ismā‘īl bin Nabi Ibrāhīm. Sīr Hājar taat pula kepada perintah suaminya untuk tinggal berdua beranak di tempat yang telah dihantar oleh Saiyidina

Aidil Adha atau biasa juga disebut dengan nama Hari Raya Korban, adalah hari raya

yang kedua bagi orang-orang Islam, selepas lebih kurang dua bulan berlalunya hari raya yang pertama iaitu

Aidil Fitri atau biasa juga disebut dengan nama Hari Raya Puasa.

(Oleh: Abdul Aziz al-Murshidi

sangat dicintainya itu; hal ini menyebabkan Sārah merasa kurang senang dan sebagai sifat seorang perempuan, maka timbullah perasaan cemburunya terhadap Hājar. Hal ini segera disedari oleh Saiyidina Ibrāhīm dan ia berasa yang dirinya telah melakukan sesuatu kesalahan, iaitu tidak adil terhadap isteri tuanya.

Setelah ia insaf akan kesalahannya itu, maka Saiyidina Ibrāhīm pun terus munajat ke hadrat Allah, meminta keampunan dan perlindungan di atas dosa yang telah dilakukannya terhadap Sārah. Atas perintah Allah, maka Saiyidina Ibrāhīm disuruh membawa isteri mudanya Hājar bersama-sama dengan puteranya Ismā‘īl ke suatu tempat di bumi Hijaz; tempat itu terletak di sebuah wadi (lembah) yang hanya dikelilingi oleh padang pasir yang kering tandus;

Ibrāhīm itu; setelah ia mengetahui suaminya berbuat demikian adalah semata-mata mentaati akan perintah Allah.

Sebelum daripada Saiyidina Ibrāhīm meninggalkan isteri dan anaknya, maka ia pun mengangkatkan kedua belah tangannya ke langit seraya berdoa ke hadrat Allah *Subḥānahu wa Ta‘ālā:*

*(Rabbanā innī askantu min dhurriyyatī bi wādin ghayri dhī zar‘in ‘inda baytika al-muḥarrami rabbanā li yuqīmū al-ṣalāta fa ij‘al af‘idatan mina al-nāsi tahwī ilayhim wa urzuqhum mina al-thamarāti la‘allahum yashkurūn)*

Ertinya: “Hai Tuhan kami! Sesungguhnya saya

telah menempatkan keluarga saya di lembah yang tidak ada padanya tumbuh-tumbuhan (Mekah), di sisi rumah Engkau (Kaabah) yang mulia. Hai Tuhan kami! Supaya mereka itu

mendirikan akan sembahyang. Hendaklah Engkau jadikan hati setengah dari manusia itu cenderung (kasih) kepada mereka. Beri rezekilah kepada mereka dengan buah-buahan; mudah-mudahan mereka bersyukur di atas segala nikmat-Mu itu.”

\* \* \*

### **Telaga Zamzam**

Pada suatu hari menangislah Saiyidina Ismā‘īl kerana kehausan, sedangkan air bekalan yang ditinggalkan oleh Saiyidina Ibrāhīm sudah tidak ada lagi di dalam simpanan. Saiyidina Ismā‘īl terpaksa ditinggalkan seorang diri di tengah-tengah padang pasir itu, dan ibunya Sītī Hājar terus naik mendaki dua bukit yang terletak tidak berapa jauh dari tempat kediamannya itu. (Bukit itu bernama Safa dan Marwah). Berlari-larilah Sītī Hājar di antara dua bukit itu mencari air. Sambil mengintai-intai ke bawah kaki kedua bukit itu, dengan harapan mudah-mudahan di sana ada kelihatan sebuah telaga buruk yang mengandungi air. Tetapi harapannya itu hampa layang sahaja. Sītī Hājar pun terus pulang ke tempat kediamannya, dengan perasaan hati yang hancur luluh.

Setelah ia sampai ke tempat kediamannya itu, tiba-tiba dilihatnya Saiyidina Ismā‘īl sedang berbaring terlentang; kedua-dua kakinya sedang menerajang pasir-pasir halus yang di hujung kakinya; tiba-tiba sebuah mata air keluar dengan derasnya dari lubang bekas kaki Saiyidina Ismā‘īl itu. Melihat air itu maka Sītī Hājar pun bersyukur ke hadrat Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā* di atas nikmat yang telah diturunkan-Nya dengan tiba-tiba itu. Kemudian ia pun terus mengumpulkan pasir-pasir yang di sekeliling mata air itu, supaya jangan sampai melimpah keluar, sambil mulutnya mengatakan “*Zamzam*”, ertinya “berkumpullah”. Oleh sebab

itu dinamakan air itu “air Zamzam”

Tidak berapa lama kemudian daripada itu Saiyidina Ibrāhīm pun datanglah untuk melihat isteri dan anaknya yang telah ditinggalkannya dari sejak beberapa tahun di perlembahan padang pasir itu. Pada ketika itu Saiyidina Ismā‘īl telah meningkat besar remaja. Manakala Nabi Ibrāhīm sampai ke tempat kediaman isteri dan anaknya itu, maka ia pun kehairanan melihat adanya mata air yang keluar memancar di tengah-tengah pasir yang kering tandus itu. Dia pun sujud bersyukur ke hadrat Allah yang telah menjaga keselamatan anak dan isterinya dari bahaya kehausan. Kemudian, mata air itu pun digali oleh Saiyidina Ibrāhīm dengan dibantu oleh anaknya Saiyidina Ismā‘īl, dijadikan sebuah perigi, lalu diberi nama “perigi Zamzam”.

\* \* \*

### **Perintah Berkorban**

Pada suatu malam Saiyidina Ibrāhīm telah bermimpikan suatu mimpi yang sangat mendukacitakan perasaan hatinya; dalam mimpinya itu ia diperintahkan oleh Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā* supaya berkorban (menyembelih) anak tunggal yang dikasihinya Saiyidina Ismā‘īl. Betapa pilu dan sedihnya hati Saiyidina Ibrāhīm menerima perintah yang amat ganjil itu tidaklah terkira lagi, ia mencururkan air mata mengenangkan nasibnya yang akan bercerai dengan anak yang sangat dikasihinya itu. Hal mimpinya itu terus dikhabarkannya kepada anaknya Saiyidina Ismā‘īl dengan katanya:

“Hai anakku! Sesungguhnya aku telah melihat di dalam tidurku (mimpiku), bahawa aku menyembelihmu, maka apa pendapatmu tentang mimpiku itu?”

(Dengan sikap yang berani dan tegas Saiyidina Ismā‘īl menjawab): “Wahai ayahku!

Perbuatkanlah segala sesuatu yang diperintahkan oleh

Allah itu, *in shā'a Allāh* ayah akan dapati saya dari golongan orang-orang yang sabar.”

Apa boleh buat mahu tak mahu Saiyidina Ibrāhīm terpaksa patuh dan taat kepada perintah Allah. Manakala sampai kepada hari yang telah ditetapkan, maka Saiyidina Ibrāhīm pun mengambil anaknya dan terus dibawa ke suatu tempat (menurut sejarah ialah di Mina). Sampai ke sana Saiyidina Ibrāhīm terus meletakkan kepala anaknya ke atas sebuah batu sedang di tangan kanannya telah sedia terenggam sebilah pisau yang tajam. Dengan mengejamkan kedua belah matanya mata pisau yang di tangannya itu pun dikelarkan ke batang leher Saiyidina Ismā'īl beberapa kali; tetapi dengan kekuasaan Allah mata pisau yang tajam itu tidak jejas memotong leher Saiyidina Ismā'īl. Pada ketika itu turunlah malaikat Jibrīl *'alayhi al-salām* membawa seekor *kibash* (kambing biri-biri) yang besar, seraya menyampaikan ayat wahyu dari Tuhan yang berbunyi:

*(Fa lammā aslamā watallahū liljabīn, wa nādaynāhu an yā Ibrāhīmu qad ṣaddaqtā al-ru'yā, innā ka dhālika najzī al-muḥsinīn, inna hādihā la huwa al-balā'u al-mubīn, wa fadaynāhu bi dhibhin 'aẓīm, wa taraknā 'alayhi ft al-akhirīn, salāmun 'alā Ibrāhīm, ka dhālika najzī al-muḥsinīn, innahū min 'ibādina al-mu'minīn)*

Ertinya: “Tatkala keduanya tunduk mengikut perintah Allah, dan telah digulingkannya anaknya ke tanah kerana hendak disembelihnya; lalu Kami berseru kepadanya: Hai Ibrāhīm! Sesungguhnya telah engkau turuti (percaya) mimpi itu, begitulah caranya Kami membalas terhadap orang-orang yang berbuat baik. Sesungguhnya ini suatu percubaan yang terang daripada Allah. Kami telah tebusi anaknya dengan seekor *kibash* yang besar; dan Kami tinggalkan (kekalkan) nama baiknya sampai kepada orang-orang yang kemudian. Keselamatanlah bagi

Ibrāhīm! Begitulah Kami membalas terhadap orang-orang yang berbuat baik. Sesungguhnya ia salah seorang dari hamba-hamba Kami yang Mukmin.”

Begitulah kesudahannya suatu pengorbanan yang pada mulanya dianggap meleburkan satu nyawa dari seorang manusia yang sangat dikasihi, dengan tiba-tiba bertukar mengorbankan nyawa seekor binatang *kibash* yang besar. Demikianlah suatu gambaran yang jelas dari Tuhan bahawa setiap pengorbanan yang diberikan oleh seseorang dengan perasaan hati yang jujur ikhlas itu, akan mendapat ganjaran dan pembalasan yang sebaik-baiknya dari Tuhan.

Bersempena dengan sejarah Saiyidina Ibrāhīm yang akan mengorbankan anaknya Saiyidina Ismā'īl itulah, maka timbulnya sejarah Hari Raya Aidil Adha yang lebih terkenal dengan nama Hari Raya Korban yang disambut dan dirayakan oleh seluruh kaum Muslimin yang berada di seantero dunia; terutama kaum Muslimin yang sedang berada di kota Mina Mekah kerana menunaikan ibadah haji pada setiap tahun. Di sanalah mereka beramai-ramai melakukan korban, menyembelih kambing biri-biri yang sihat dan gemuk, dan dagingnya dibahagi-bahagikan kepada fakir miskin dengan tujuan agar mereka juga dapat turut gembira.

Begitulah serba ringkas berkenaan dengan sejarah Hari Raya Aidil Adha yang sedang disambut dan dirayakan dengan meriahnya oleh seumum kaum Muslimin yang berada di seluruh dunia. Marilah kita sama-sama berdoa semoga dengan ketibaan Hari Raya Aidil Adha yang mulia ini semangat perjuangan umat Muslimin terhadap agama, bangsa dan tanah air mereka semakin diperteguhkan oleh Tuhan yang Maha Kuasa....amin!

